



LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN
FRAS-168-UMM-2008

BEKASAH DAN PENYEDIAAN PERAKU
MANGSA D. S. S. S.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2011



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

3. LAPORAN AKHIR DAN CADANGAN FORMAT HASIL PENYELIDIKAN

(a). Sinopsis Penyelidikan

Kajian dan penulisan ini bertujuan untuk mengenalpasti jenis-jenis perahu kayu dan papan yang pernah dihasilkan dan dibudayakan oleh komuniti pelaut di Sabah yang boleh diklasifikasikan dan dimertabatkan sebagai perahu warisan. Berdasarkan kepada sejarah peradaban maritim di Sabah menunjukkan pembuatan dan pembudayaan perahu secara tersusun dan terancang telah wujud sejak pemerintahan Kesultanan Sulu lagi pada abad ke-18. Antara nama-nama perahu milik para pembesar Tausug yang telah mengukir nama pada era tersebut termasuklah barangayan, kora-kora, garay, joangga dan lain-lain lagi. Apabila Sabah mula ditadbir oleh British North Borneo Chartered Company (BNBCC) pada tahun 1881, perahu-perahu tersebut nampaknya telah lenyap dari perairan Sabah dan mula digantikan dengan perahu seperti jungkung milik kaum Bugis dan perahu lepa, lamak, boggo, sappit di pantai timur Sabah dan perahu timbawan dan biruk di pantai barat Sabah milik kaum Bajau. Apabila Sabah merdeka pada tahun 1963, beberapa jenis perahu baru telah dicipta dan dibudayakan oleh pelarian politik dari selatan Filipina pada tahun 1970-an seperti espeed, pumpboat, kumpit, tempel dan lain-lain lagi. Pada tahun 1994, Kerajaan Negeri Sabah telah mengiktiraf lepa dan sappit sebagai perahu warisan di Sabah melalui Regatta Lepa Semporna. Satu persoalan yang timbul di sini mengapakah perahu lain seperti barangayan, kora-kora, garay, joangga, jungkung, lamak, espeed, pumpboat, kumpit, tempel dan lain-lain lagi tidak dimertabatkan sebagai perahu warisan? Berdasarkan kepada kajian ini mendapati perahu seperti barangayan, kora-kora, garay, dan joangga tidak boleh diklasifikasikan sebagai perahu warisan kerana telah tidak wujud lagi pada masa kini. Sementara itu, perahu seperti espeed, pumpboat, kumpit dan tempel juga tidak boleh diklasifikasikan sebagai perahu warisan kerana hanya dibawa masuk oleh para pendatang tanpa izin dan pelarian politik pada tahun 70-an. Walau bagaimanapun, perahu seperti jungkung, lamak, timbawan, biruk dan boggo boleh dimertabatkan sebagai perahu warisan kerana dicipta dan dibudayakan sendiri oleh suku kaum Bajau (tempatan) dan telah wujud sejak zaman BNBCC lagi dan masih lagi wujud pada masa kini.

(b). Pendahuluan

Abad ke-5 masihi pada umumnya telah ditafsirkan oleh para sejarawan sebagai satu garis sempadan yang menandakan berakhirnya zaman prasejarah yang berkonsepkan "budaya manusia daratan" apabila terdapat pelbagai penemuan dan bukti arkeologi berupa prasasti yang menunjukkan bahawa telah wujudnya satu budaya baru yang digelar sebagai "budaya bahari" di Nusantara. Contohnya, prasasti Kedukan Bukit yang ditemukan di Palembang pada tahun 1920 tertulis: "..... Pada tahun Saka 605, hari kesebelas paruh terang bulan Waisakha, Sri Baginda naik perahu untuk mencari kesaktian" dan prasasti ini boleh dikatakan sebagai bukti paling tua yang ada menyebut perkataan perahu dalam bahasa Melayu Kuno sehingga menjadi tonggak kepada sejarah dan budaya berperahu di Nusantara. Walau bagaimanapun, apakah jenis dan rekabentuk perahu yang dinyatakan dalam prasasti adalah kabur dan sukar untuk dibuktikan. Dari segi arkeologinya, peralihan dari zaman paleolitik (zaman batu tua) dan zaman neolitik (zaman batu baru) kepada zaman Mesolitik hanya menemukan pembuatan perahu berbentuk lesung (*dug-out canoe*) dan mula mengalami pelbagai evolusi mengikut keperluan dan peredaran zaman.

Di Sabah, sejarah awal penciptaan dan pembudayaan perahu dalam kalangan komuniti pelaut di negeri ini nampaknya masih lagi kabur dan terjawab sepenuhnya. Berdasarkan kepada sejarah menunjukkan bahawa negeri ini hanya muncul sebagai sebuah entiti politik, ekonomi dan sosial dalam konteks Kepulauan Borneo dan nusantara apabila wilayah-wilayah di pantai timur dan utara Sabah mula ditadbir oleh Kesultanan Sulu pada abad ke-18. Kemasukan dan pertapakan Kesultanan Sulu ke Sabah pada abad ke-18 bukan sahaja membawa suku kaum Taosug sebagai pentadbir, etnik Iranun dan Balangingi sebagai pahlawan dan pemburu hamba, dan kaum Bajau sebagai sumber tenaga kerja atau hamba tetapi juga membuka pusat-pusat petempatan baru seperti di Sandakan, Marudu, Semporna, Tawau, Tuaran, Kota Belud dan lain-lain dan membawa masuk teknologi pelayaran seperti perahu dan ilmu pelayaran yang diwarisi dari selatan Filipina.

